

BAB 4

PENGANALISAN DATA

4.0 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan penganalisan dan dapatan kajian tentang keindahan bahasa yang berunsurkan diksi, metafora dan simile dalam penghasilan puisi Tamil Malaysia. Skop kajian tertakluk kepada :

- i) Penggunaan unsur diksi mengikut tema dalam puisi-puisi Tamil antara tahun 1971-2000.
- ii) Penggunaan unsur metafora mengikut tema dalam puisi-puisi Tamil antara tahun 1971-2000.
- iii) Penggunaan unsur simile mengikut tema dalam puisi-puisi Tamil antara tahun 1971-2000.

PENGGUNAAN UNSUR DIKSI DALAM PUISI-PUISI TAMIL ANTARA TAHUN 1971-2000

Pengenalan

Diksi ialah pemilihan dan penyusunan kata dalam puisi. Ia juga merujuk kepada pemilihan kata. Perkara yang diutamakan dalam pemilihan dan penyusunan kata ialah ketepatan, tekanan dan keistimewaan. Perhatian istimewa diberi terhadap sifat-sifat kata seperti denotatif, konotatif dan bahasa kiasan.

Diksi yang dipilih dalam puisi atau sajak berupaya menimbulkan suasana daya imajinasi bagi pembaca. Pemilihan diksi yang tepat dan jitu dapat menyampaikan isi hati seorang penyair kepada pembaca dengan berkesan. Ia disifatkan begitu kerana diksi merupakan kata yang sesuai untuk menyampaikan perasaan penyair serta sikapnya terhadap sesuatu suasana atau temanya. Pemilihan diksi yang tepat dalam puisi dapat memberi peluang kepada pembaca untuk mengalami perasaan yang sama seperti yang dialami penyair. Diksi yang sesuai dalam puisi juga dapat menimbulkan imajinasi keindahan yang akhirnya membawa nilai keputihan dan nilai keindahan bahasa dalam sesuatu puisi.

4.1 PENGGUNAAN UNSUR DIKSI DALAM PUISI-PUISI TAMIL ANTARA TAHUN 1971-2000 – TEMA ALAM SEMESTA

4.1.1 T.V.R.P. (1971-1985)

tho;tpy; Rfe;jUNkh?

(Dapatkah ia membawa kebahagiaan?)

Dalam puisi ini (Lampiran 1), penyair membandingkan kejadian alam dengan kehadiran gadis idaman melalui imajinasinya. Penyair menyatakan setiap kejadian alam yang indah seakan-akan sama dengan kehadiran gadis idaman di jiwa raganya. Penyair menyatakan bahawa, kemunculan sang suria di pagi hari akan menceriakan dunia yang sedang dalam kegelapan. Kejadian alam sama juga dengan dirinya, kerana kehadiran gadis idaman dapat mengembirakan diri yang dilamun pergolakan cinta. Di samping itu, penyair juga menyatakan kejadian alam yang lain seperti pergerakan tumbuh-tumbuhan, embun di hujung rumput, suara merdu burung kakatua, perjalanan angsa putih yang terpesona kesemuanya mengingatkan kehadiran gadis yang mengganggu

dalam mimpi beliau. Dalam puisi ini penyair dapat menyampaikan isi hati beliau dengan diksi-diksi yang penuh dengan puitisan.

Contoh : 1

Diksi	: md;dk; ele;JtUk;-moFk; MLk; nfhbapilAk; kpd;Dk; gdpkjpapd; - KfKk; ky;ypifg; gy;yoFk;
Transliterasi (TR)	: /aNNam nadanhthuvarum - azakum a:dum kodyidaiyum miNNum paNimatiyiN – mukamum malikaip palalzakum/
Terjemahan	: kejadian alam meningkatkan akan wajah menarik gadis idaman hati penyair.
Maksud Tersirat	: Kejadian alam semesta ini mempunyai persamaan ciri dengan aktiviti manusia (bait 3 –baris 1- 4 : m.s.167)

Di dalam puisi ini, penyair ingin mengutarakan lamaran cinta beliau. Tetapi beliau menggunakan tema keindahan alam untuk menerangkan isi hati beliau. Penyair juga menggunakan diksi-diksi yang menarik dan tepat dalam penciptaannya. Melalui pengutaraan diksi-diksi ini penyair menyemai keindahan alam dengan mudah dan tepat di hati pembaca. Diksi-diksi yang menyentuh pengalaman penyair dapat membayangkan kehadiran gadis idaman yang terjelma di hati dengan jelasnya. Penyair turut menjelaskan kejelitaan gadis idamannya kepada pembaca.

4.1.2 Karu.Tiruvarasu (1971-1985)

fha;e;Jk; rpy kzf;Fk;

(Yang layu kekal harum)

Dalam puisi ini (Lampiran 2), penyair menyatakan bahawa setiap kejadian alam akan mempunyai makna tersendiri. Walaupun ia berlaku secara semulajadi, kejadian-kejadian semulajadi alam ini juga akan memberikan pengertian dan panduan hidup kepada penghuni alam. Penyair menyatakan jika kita dapat mentafsir kejadian alam ini dengan teliti, ia akan memberi ilmu untuk kita menjadikannya sebagai teladan. Bagi penyair, alam semesta ini, mempunyai kaitan rapat dengan manusia. Manusia tidak dapat mengasingkan diri mereka daripada alam kerana, manusia sendiri merupakan komponen alam. Penyair secara simboliknya menyeru manusia untuk menghayati alam dan menjadikannya sebagai pedoman hidupnya. Dalam penyampaian tema ini penyair menggunakan diksi-diksi yang menarik dan tepat.

Contoh : 1

Diksi : tpz;zpy; kyUJ epytKjk; - Fspu;
 xsp mKjk; - mij
 tpUk;gp kyUJ xU FKjk; - GJ
 vopy; FKjk;
 vz;zp kfpOJ fiy ,jak; - ,sq;
 ftp ,jak; - mij
 ,izf;Fk; kfpo;tpdpy; ,ir nghopAk;

Transliterasi (TR) : /vinnil malarutu nilavamutam - kuLir
 Oli amutam – atai
 Virumbi malarutu oru kumutam – putu
 Ezil kumutam
 Enni magizlitu kalai itayam – ilang
 Kavi itayam - athai
 inaikum makizvinil isai poziyum/

Terjemahan : Bulan muncul di langit dan menyinar dengan
 nyaman. Bunga teratai mekar dengan kehadirannya. Hati

penyair akan termekar dengan menghayati keindahan kejadian alam ini. Jika jiwa sanubari kita dapat menghubungkan kejadian alam ini, ia akan melahirkan suasana harmoni di hati kita.

Maksud Tersirat : kehidupan manusia berpautan pada alam. Dengan demikian manusia mesti membuka minda dan hati untuk menikmati keindahan alam ini.

(bait 1– baris 1-4 : m.s.168)

Dalam bait di atas, penyair dapat mengutarakan betapa indahnya alam dapat mewujudkan kesenian dalam hidup kita. Jika kita dapat menjiwai keindahan alam ia akan menyerikan hidup kita. Hati dan jiwa kita patutlah sehati dengan alam supaya kita dapat hidup dengan penuh bermakna. Jika keindahan alam dapat mewarnai hidup kita ia bukan sahaja menggembirakan kita bahkan juga akan mengindahkannya segala-gala dalam hidup kita. Dengan penyusunan diksi-diksi yang menarik dan indah dalam puisi ini, penyair dapat menyemat nilai penghayatan alam dengan tepat di hati pembaca.

4.1.3 P.M. Anwar (1986-2000)

,jaq;fs; ,y;iyab

(Tiada berhati penyambut)

Dalam puisi ini (Lampiran 3), penyair dengan hati yang sayu menyatakan bahawa manusia hari ini tidak lagi menghayati dan menghargai alam. Angin yang bersepoi-sepoi bahasa, bunga berwarna-warni yang menyerikan alam, nyanyian merdu burung sewah padang, serta pemandangan hijau yang terbentang luas tidak lagi menjadi idaman dan penghayatan manusia. Penyair mendakwa manusia kini telah hilang nilai-nilai penghayatan alam kerana cara hidup mereka lebih bermaterialistik. Manusia

sekarang sering mengejar kemewahan hidup dan kebendaan. Cara hidup mereka seolah-olah dikuasai sikap haloba dan kebendaan. Mereka tidak mempunyai masa untuk menghayati nilai-nilai yang memperkayakan kesenian diri. Dalam sajak ini penyair berupaya menyampaikan tema puisinya dengan diksi-diksi yang menarik.

Contoh : 1

Diksi : ,d;gg; gRik vopy;nfhz;L te;jha;
 ,jaq;fs; ,y;iyab! - cd;wd;
 md;gpy; fye;J mkpo;J cz;z
 MirNa ,y;iyab!

Transliterasi (TR) : /iNpap pasumai elzikondu vantai
 itayangkal ilaiyadi! – unRaN
 aNbil kаланthu amiztu unna
 a:saye: ilaiyadi!/
 Terjemahan : Oh! Alam ku tercinta, di sini tiada orang untuk
 menyambut keindahan mu! Tiada manusia yang dapat
 menjelma dan menikmati keistimewaan mu!

Maksud Tersirat : Manusia seharusnya menikmati keindahan alam.
 Manusia dapat mewarnai hidup, jika mereka berpeluang
 Menikmati keindahan alam anugerahi Tuhan ini.

(bait 4– baris 1-4 : m.s.169)

Di dalam bait di atas, penyair dapat membangkitkan keindahan alam dengan sempurna melalui penggunaan diksi yang tepat. Penyair dapat menyampaikan isi hatinya bahawa manusia seolah-olah menjadi mesin atau jentera tanpa nilai-nilai penghayatan alam yang serba indah. Penyair juga dapat menyedarkan manusia supaya mencintai dan menghargai alam, anugerah Tuhan dengan menyatakan manusia miskin

dalam penghayatan alam ini. Diksi-diksi yang digunakan dalam bait ini dapat menterjemahkan mesej tema dengan tepat dan jitu.

4.1.4 S.C.Kurunji Kumaran (1986-2000)

fiyj;jha;

(Ibu kesenian)

Dalam puisi ini (Lampiran 4), penyair menyampaikan pengalaman jiwa beliau dengan alam yang indah. Terbitnya matahari di pagi hari dan kemunculan bulan purnama di waktu senja, seolah-olah memberi ilham kepada penyair untuk membandingkan hidup dan mati manusia di dunia ini. Suka dan duka yang menjadi lumrah hidup dapat dibayangkan oleh kejadian alam ini. Penyair menambah, kejadian alam ini tidak akan mempunyai nilai-nilai keistimewaan jika kita tidak dapat menghubungkan dengan nilai hidup harian kita. Dalam persoalan ini, penyair dapat membuat perbandingan jitu dengan menghubungkan kejadian alam dengan tatacara hidup manusia. Dalam penyampaian tema ini, penyair dapat menggunakan diksi-diksi yang unik dan tepat.

Contoh : 1

Diksi : nghw;nghOJk; GJf;Nfhyk; fhI;bj; Njhd;Wk;
nghd;Kjyhk; fdpaq;fs; midj;jpd; NkYk;
ew;fiyj;jha; elk;nra;Nj eifnra; ths;fhz;
ey;Yyfp; mtspd;wp Njhw;w kpy;iy!

Transliterasi (TR) : /poRpozutum putukko:lam ka:tti to:NRum
poNmutala:m kaNiyangaL aNattiN me:lum
naRlalaitta:i nhadamseithe: nagaisei vaLka:n

nallulagil avaLiNRi toRRa millai!/
/

- Terjemahan : Alam semesta ini melahirkan keindahan-keindahan yang baru dan menarik pada setiap detik. Ia tersenyum indah dengan melahirkan keindahan dalam setiap benda yang wujud di alam ini. Tanpa keindahan alam, dunia ini tidak akan mempunyai wajahnya.
- Maksud Tersirat : Manusia harus bersyukur kerana Tuhan yang telah mencipta dunia ini dengan serba indah dan menarik. Alam anugerah Tuhan ini dapat memberi pengertian hidup kepada manusia jika mereka dapat menghayatinya.

(bait 3 – baris 3-4 : m.s.170)

Dalam puisi ini, penyair dapat menyatakan kepentingan alam ini dalam hidup manusia. Mengikut penyair, alam adalah keindahan dunia ini. Tanpa keindahan ini manusia sendiri tidak mempunyai makna dalam hidup mereka. Di samping menyatakan kekayaan alam, penyair juga dapat menyemai nilai menghargai dan mencintai alam anugerah Tuhan ini dengan sempurna melalui diksi-diksi yang dipilih. Diksi-diksi yang digunakan oleh penyair dalam puisi ini, dapat menyatakan kesyukuran hati penyair dengan jelas serta menanam nilai menghargai alam anugerah Tuhan di hati pembaca.

4.2 PENGGUNAAN UNSUR DIKSI DALAM PUISI-PUISI TAMIL ANTARA TAHUN 1971-2000 – TEMA KEBUDAYAAN

4.2.1. I.Ulaganathan (1971-1985)

ehis ekNj!

(Esok kepunyaan kita!)

Dalam puisi ini (Lampiran 5), penyair menyemarakkan semangat masyarakat Tamil dengan kata-kata semangat yang membara. Penyair menyatakan bahawa tanah yang tercinta ini mendedahkan banyak peluang untuk anak bangsa menentukan nasibnya. Tanah yang luas terbentang, kemudahan infrastruktur yang tersedia wujud

dan pembangunan industri yang pesat harus digunakan dengan baik oleh Masyarakat Tamil untuk membangunkan diri. Penyair memberi amaran bahawa, jika Bangsa Tamil tidak sedar dan membangunkan diri maka, masyarakat ini akan terpinggir daripada arus pembangunan perdana yang melanda negara. Dalam usaha menyampaikan maksud tema ini, penyair memilih diksi yang tepat.

Contoh : 1

Diksi : ,UfhYk; Cd;wp eilNghL

Transliterasi (TR) : /iruka:lum u:NRi nadaipo:du/

Terjemahan :Berjalanlah dengan menggunakan kedua-dua belah kakimu

Maksud Tersirat : cubalah segala peluang yang tersedia dengan penuh Keyakinan/ berdikarilah kamu!

(bait 3 –baris 5 : m.s.171)

Dalam puisi ini, penyair menggunakan diksi yang dapat membawa makna tersembunyi. Saranan penyair untuk menggunakan segala peluang yang terdedah dengan usaha gigih dapat diperjelaskan melalui diksi yang berbunyi ‘berjalan dengan dua belah kakimu’. Diksi ini membayangkan maksud yang tersirat iaitu Masyarakat Tamil harus mencuba segala peluang dengan berani, yakin dan gigih. Diksi yang tepat menyampaikan maksud dengan mudah.

4.2.2. Ve.Thesaguru (1971-1985)

Vw;wKld; tho;e;jpl

(Untuk hidup kearah kemajuan)

Dalam puisi ini (Lampiran 6), penyair mengkritik budaya meminum arak (samsu) yang kian menular dalam kalangan Masyarakat Tamil. Dalam membicarakan

tema ini penyair membangkitkan kesan dan akibat yang akan menimpa daripada tabiat negatif ini. Mengikut penyair, tabiat minum arak menjejaskan akal fikiran waras peminum dan mengganggu kawalan emosinya. Di samping itu, tabiat ini juga menjejaskan imej bangsanya sendiri. Bangsa secara keseluruhannya akan mendapat gambaran negatif dan dipandang rendah oleh masyarakat lain. Penyair menyarankan supaya golongan ini harus sedar dan menghentikan tabiat ini demi menjaga martabat bangsa. Penyair menyeru kepada mereka yang terjebak dengan tabiat meminum arak agar sedar akan kepentingan keluarga tersayang, kesihatan dan maruah diri. Dalam puisi ini penyair menggunakan beberapa diksi yang unik dan tepat dalam penyampaian temanya.

Contoh : 1

Diksi : gdpr;Rfj;ij ehLfpd;w kyiug; Nghd;W
gyey;y RfkpUf;f tpisah njd;d?

Transliterasi (TR) : /paNissukatai na:dukinRa malarai po:Nru
palanalla sugamiruka vilaiya: teNNa? /

Terjemahan : Carilah kegembiraan bagai sekuntum bunga
yang inginkan kedinginan titisan embun. Ada
pelbagai cara untuk menikmati keseronokan hidup.
Kenapa menggunakan cara terkutuk ini?

Maksud Tersirat : Di dunia ini ada banyak cara terpuji untuk menikmati
keseronokan. Bukan dengan cara meminum arak.
(bait 1 –baris 4 : m.s.173)

Dalam baris ini penyair mengibaratkan cara menikmati keseronokan hidup secara terpuji haruslah sama seperti sekuntum bunga yang inginkan kedinginan titisan embun. Melalui diksi ini, penyair menyatakan bahawa naluri kita mesti mencari kebahagiaan dengan cara yang terbaik atau terpuji dan bukan dengan cara yang terkeji. Penyair mendakwa dalam dunia ini ada banyak cara yang baik untuk menikmati keseronokan dan bukan dengan meminum arak yang menjejaskan imej diri, keluarga

dan bangsa. Dengan mengemukakan diksi ini penyair menyatakan cara-cara terpuji akan memuliakan seseorang. Secara simboliknya, penyair menyeru kepada golongan yang masih ketagih dengan arak supaya menghindari diri daripada arak demi mendapat pandangan mulia daripada masyarakat lain.

4.2.3 Murasu Nedumaran (1986-2000)

jkpopd; epiy

(Keadaan Bahasa Tamil)

Dalam puisi ini (Lampiran 7), penyair mengemukakan sikap segelintir Masyarakat Tamil yang mengabaikan kepentingan Bahasa Tamil. Penyair berpendapat bahawa sikap golongan yang menilai bahasa dengan nilai materialistik adalah satu sikap yang keji. Ini kerana penguasaan bahasa adalah untuk tujuan memperkayakan kerohanian dan bukan untuk mencari harta dan kekayaan. Penyair juga membidas sikap segelintir masyarakat yang mengagung-agungkan bahasa dengan cara yang tidak ikhlas. Penyair menyeru kepada pihak yang berusaha memperkembangkan bahasa, semestinya mengambil langkah-langkah secara sistematik. Mereka juga harus menjalankan segala aktiviti secara kolektif dan mendapatkan sokongan daripada semua pihak. Penyair juga sedih kerana langkah-langkah yang diambil selama ini untuk memartabatkan bahasa tidak membawa hasil yang memberangsangkan. Dalam penyampaian tema kesedaran bahasa ini penyair dapat menyampaikan tema ini dengan tepat melalui diksi yang jitu.

Contoh : 1

Diksi : kuj;jpw;F NtNujhd; %yk; - NkNy
tsu;fpd;w nfhb;Otp Ntiu tpi;lhy;

kuj;jpw;F tho;Tz;Nlh?

- Transliterasi (TR) : /maratiRku vereta:N mu:lam- me:le:
valarkinRa koditaluzvi verai vittal
maratiRku Valzvundo:?!/
- Terjemahan : kekukuhan sebatang pokok adalah pada akarnya. Jika
pokok itu berpaut pada tumbuhan yang menular pada
batangnya dan melupakan akar, pokok itu akan mati.
- Maksud Tersirat : Keutuhan dan kemakmuran sesuatu bangsa terletak pada
penjiwaan terhadap bahasanya. Jika sesebuah bangsa
melupakan bahasa setelah mencapai kejayaan ini akan
membawa padah kepada bangsa itu.
(bait 3 – baris1 : m.s.174)

Dalam puisi ini, penyair dapat menyampaikan kesedaran bahasa dengan mengemukakan diksi yang tepat. Penyair dapat menyatakan bahawa dasar keutuhan bahasa dengan diksi ‘kekukuhan sebatang pokok adalah akarnya’. Diksi ini dapat memberi gambaran sebenar mengenai kepentingan menjaga keutuhan bangsa dengan mencintai bahasa ibunda. Peringatan penyair untuk menjaga percintaan terhadap bahasa pula dapat dijelaskan dengan diksi yang membawa maksud, ‘pokok seharusnya berpaut pada akarnya untuk kekukuhan bukan pada tumbuhan yang menular pada batangnya’. Penggunaan diksi penyair dalam puisi ini tepat dan jitu serta menyampaikan tema dengan mudah kepada pembaca.

4.2.4 Pon.Navalan (1986-2000)

nfha;Nthk;!

(Memancung)

Dalam puisi ini (Lampiran 8), penyair mempertengahkan kelemahan Masyarakat Tamil, iaitu amalan tidak mencintai bahasa ibunda. Beliau menyatakan bahawa, jika Masyarakat Tamil tidak menyedarkan diri dan tidak mengamalkan sikap mencintai bahasa, masyarakat ini hanya akan dianggap sebagai mayat. Penyair memberi amaran bahawa jika sikap ketidaksedaran diri ini berterusan, amalan budaya dan tradisi akan tercemar. Masa depan bangsa akan menghadapi jalan buntu. Penyair mengajak Masyarakat Tamil supaya sedar akan perkembangan sains dan teknologi serta prinsip-prinsip keagamaan untuk membentuk landasan baru kemakmuran bangsa. Langkah sesat dengan kepercayaan karut perlu diperbetulkan untuk mengorak langkah kemajuan. Dalam menyampaikan tema ini penyair menggunakan diksi yang tepat dan jitu.

Contoh : 1

Diksi	: mQ;Qhd gLFopapy; gLj;Jf;nfhz;L mwpahikg; Nghu;itjidg; Nghu;jjpf; nfhz;Nlhk;
Transliterasi (TR)	: /anjnja:na padukulizyil padutu kondu aRiya:maip po:rvaityaNaip po:rtik kondo:m/
Terjemahan	: kita telah terjebak dalam lubang kepercayaan karut dan menyelimut diri dengan kepercayaan kolot.
Maksud Tersirat	: Masyarakat Tamil masih mengamalkan amalan kolot dan tidak sedar bahawa amalan mereka sudah ketinggalan zaman.

(bait 2 –baris 3 : m.s.175)

Dalam puisi ini, penyair dapat mengutarakan tema kesedaran bangsa dengan jelasnya melalui penggunaan diksi yang menarik. Penyair menerangkan bahawa keadaan Masyarakat Tamil dalam keadaan bahaya kerana mereka sudah terjebak dalam lubang kepercayaan karut. Diksi yang berbunyi ‘menyelimut diri dengan kepercayaan

kolot' dapat menjelaskan tahap bahaya yang dihadapi oleh Masyarakat Tamil dengan tepat. Penyair juga dapat mengutarakan penghalang kemajuan Masyarakat Tamil dengan jelas melalui diksi pilihannya.

4.3 PENGGUNAAN UNSUR DIKSI DALAM PUISI-PUISI TAMIL ANTARA TAHUN 1971-2000 – TEMA SOSIO-EKONOMI

4.3.1 Soma Sanma (1971-1985)

vJ tho;T?

(Apakah erti kehidupan?)

Dalam puisi ini (Lampiran 69), penyair membentangkan segala kelemahan hidup Masyarakat Tamil sebagai tema puisinya. Dalam puisi ini, penyair mengemukakan persoalan pro dan kontra untuk menentukan cara hidup sosio-ekonomi sebenar sesuatu bangsa. Penyair menyedarkan bahawa Masyarakat Tamil perlu iktibar untuk membentuk institusi keluarga yang harmoni, mengutamakan fikiran rasional, memperkembangkan adat dan kebudayaan serta mengagungkan bahasa untuk memperkembangkan sosio-ekonomi mereka. Beliau menambah, Masyarakat Tamil harus mengamalkan sikap mementingkan perpaduan, memperluaskan ikatan persefahaman serta membimbing generasi muda dengan amalan-amalan mulia. Perubahan sikap-sikap ini akan menjadi dasar untuk mengekalkan kemakmuran sosio-ekonomi Masyarakat Tamil di dunia ini. Dalam penyampaian tema ini, penyair menggunakan diksi yang berbentuk keputisan dengan tepat dan jitu.

Contoh : 1

Diksi	: fhykij ehkwpe;J fz;tpopj;yy; tho;th? fUf;fpUl;by; NkYk; NkYk; fz;Zwq;fy; tho;th?
Transliterasi (TR)	: /ka:lamatai nha:maRinhtu kanvilzittal vazva:? Karukkiruttil me:lum me:lum kannuRanggal vazva:?
Terjemahan	: Yang mana satu cara kehidupan terpuji? Adakah dengan membuka mata atas peredaran masa dan perubahan dunia? atau masih meneruskan hidup kita dalam dunia kegelapan kita?
Maksud Tersirat	: Masyarakat perlu sedar atas perubahan dunia dan peredaran masa serta melengkapkan diri untuk menghadapi cabaran dunia baru. (bait 6 –baris 1-2 : m.s.176)

Dalam bait di atas, penyair menyampaikan ketidaksedaran diri Masyarakat Tamil dengan diksi yang berbunyi ‘hidup dalam kegelapan’. Dunia kegelapan yang dimaksudkan oleh penyair menjelaskan gambaran sebenar Masyarakat Tamil yang masih mundur walaupun bangsa lain terus maju mengikut peredaran zaman. Penggunaan diksi penyair dalam puisi ini memberi penjelasan sebenar mengenai penghalang kemakmuran ekonomi mereka.

4.3.2 Ellon (1971-1985)

rKjhaj;jpy; \$l;LwT

(Kerjasama dalam masyarakat)

Dalam puisi ini (Lampiran 10), penyair dapat mengemukakan segala penderitaan dan kesengsaraan yang dihadapi oleh Masyarakat Tamil pada tahun 60-an. Keadaan ini berlaku semasa ladang-ladang yang memberikan mata pencarian kepada mereka dijual

oleh tuan punya ladang-ladang tersebut. Penyair menyatakan segala titik peluh yang mereka curahkan selama ini tidak mempunyai nilai dan penghargaan. Apabila diusir daripada ladang-ladang, mereka seolah-olah dalam dunia kegelapan. Mereka tinggal dengan sehelai sepinggang tanpa halatuju. Penyair menyatakan dalam keadaan inilah idea yang dilahirkan oleh Mendiang Tun.V.T.Sambantan telah membawa perubahan drastik dalam sosio-ekonomi mereka. Penubuhan koperasi dengan mengutip RM10.00 sebulan daripada setiap ahli telah mewujudkan kestabilan dalam kehidupan Masyarakat Tamil. Penyair menyatakan Tun.V.T.Sambantan menjadikan Masyarakat Tamil sebagai tuan tanah dan memiliki rumah sendiri yang mereka tidak pernah mimpi sebelumnya. Penyair menyampaikan tema sosio-ekonomi masyarakat ini dengan diksi-diksi yang menarik.

Contoh : 1

Diksi : fhl;Lf;Fs; Gay;tPr vd;d ntd;W
 fz;%b ,Ue;Jtpl;lhu; fbjha; tPrp
 tPl;Lf;Fs; Gaw;GFe;J tPor; nra;a
 tpopj;jg;gpd; fjWfpwhu; vd;d ed;ik?

Transliterasi (TR) : / ka:ttukkuL puyalvi:sa eNNa veNRu
 kanmu:di iruntuvittar kadita:i vi:si
 vi:tukkuL puyaRpukunhtu vi:za seiya
 vizeitapin kataRukiRa:r enna nhaNmai?/

Terjemahan : Mereka (Masyarakat Tamil) tidak mempedulikan keadaan apabila ribut membinasakan hutan. Tetapi apabila ribut yang sama melanda rumahnya sendiri baru mereka sedar dan meratap. Tetapi keadaan ini sudah terlambat.

Maksud Tersirat : Masyarakat Tamil selalu tidak peka dengan keadaan di hari muka. Mereka tidak dapat menjangkakan keadaan sosio-ekonomi mereka pada masa hadapan. Mereka

selalu sadar dan merungut apabila keadaannya sudah terlambat.

(bait 14 –baris 1-2 : m.s.177)

Dalam bait di atas, penyair dapat menyampaikan tema dengan diksi-diksi yang tepat. Ketidaksedaran diri Masyarakat Tamil atas keadaan sosio-ekonomi mereka dapat dijelaskan dengan diksi-diksi yang berbunyi ‘ribut di hutan’ dan ‘ribut melanda di rumah’. Ini menyatakan keadaan sebenar masyarakat diusir daripada ladang-ladang yang mereka bekerja. Diksi-diksi yang digunakan oleh penyair sangat tepat dan dapat menyampaikan mesej dengan berkesan.

4.3.3 I.Ilavalagu (1986-2000)

nghUspay; jkpou;

(Ekonomi Masyarakat Tamil)

Dalam puisi ini (Lampiran 11), penyair dapat mengimbas kembali kegelapan segala strategik yang diatur pemimpin masyarakat dalam memperkembangkan status ekonomi Masyarakat Tamil. Penyair menjelaskan bahawa Masyarakat Tamil rajin berusaha tetapi masalah utama mereka ialah perancangan harta benda untuk masa hadapan mereka. Penyair menyatakan mereka tidak mempunyai pandangan jauh dalam mengatur strategik perancangan ekonomi mereka. Sikap boros dan tidak tahu cara untuk merancang perbelanjaan mengikut pendapatan menjadikan Masyarakat Tamil tidak dapat mencapai status ekonomi di negara ini. Dalam penyampaian tema ini, penyair dapat menggunakan diksi-diksi yang tepat dan jitu.

Contoh : 1

Diksi	:fdTfspy; ek;ik gj;jpukha; fhf;fpd;Nwhk; khw;wk; Ntz;bd; kPl;bLNthk; ey;Yiog;ig ekf;F ehNk Nknyd;Nghk;! ek; fhypy; ehk; epw;Nghk;!
Transliterasi (TR)	: /...kaNavukaLil nammai patiramai ka:kkinRo:m maRRam vendin mi:tiduvo:m nallulappai nhamaku nha:me me:leNbo:m! nham ka:lil nha:m niRpo:m /
Terjemahan	: kita masih membela nasib dalam lamunan mimpi. Jika memerlukan perubahan, kita harus berusaha gigih. Perlu percaya kita mampu melakukan! Kita mesti berdikari dan jangan berharap pada bantuan orang lain
Maksud Tersirat	: Masyarakat Tamil perlu keluar dari dunia mimpi mereka. Mereka harus giatkan usaha dan jangan lagi meminta pertolongan orang lain untuk kemajuan ekonomi mereka. (bait 7 – baris 5 : m.s.180)

Dalam puisi ini, penyair dapat menyampaikan pergolakan status ekonomi Masyarakat Tamil dengan diksi yang mempunyai makna yang tepat. Andaian penyair dengan diksinya ‘lamunan mimpi’ telah memperlihatkan masalah sebenar Masyarakat Tamil dalam mencapai tahap tertinggi dalam status ekonomi mereka. Seruan penyair supaya ‘berdikari’ menambahkan keperihalan ini bahawa Masyarakat Tamil sering bergantung kepada orang lain untuk meningkatkan status ekonomi mereka. Penggunaan diksi yang sesuai dalam puisi ini dapat memberikan gambaran jelas mengenai sosio-ekonomi Masyarakat Tamil.

4.3.4 Veeraman (1986-2000)

eyk; kyul;Lk;

(Harapan kesejahteraan)

Dalam puisi ini (Lampiran 12), penyair menghuraikan beberapa harapan yang dapat membawa kebahagiaan dalam hidup Masyarakat Tamil. Penyair berharap, Masyarakat Tamil sekurang-kurangnya dapat menikmati keperluan asas dalam hidup mereka dalam keadaan komuniti yang sering menghadapi masalah kemiskinan. Penyair meletakkan harapan bahawa mulai sekarang Masyarakat Tamil mempunyai hala tuju kejayaan yang jelas sebagai prinsip hidupnya. Beliau juga meletakkan harapan untuk Masyarakat Tamil mengembangkan pelaburan dalam bidang ekonomi. Penyair juga berharap Masyarakat Tamil akan bersatupadu dan mengatasi segala perbezaan pendapat demi kemakmuran bersama. Dalam puisi ini, penyair menyampaikan tema ini dengan diksi-diksi yang menarik.

Contoh : 1

Diksi : nky;Yfpd;w ntWtha;fs; tUtha;fs; fhzl;Lk;
Nkd;ik nfhz;l tho;Tfz;L gho;tWik
\$dl;Lk;

Transliterasi (TR) : /melukiNRa veruva:igaL varuva:igaL ka:nattum
me:nmai konda Va:zvukandu pa:zvaRumai ku:Nattum/

Terjemahan : Jangan lagi mengunyah mulut kosong. Segala usaha mesti membawa berkat. Jika kejayaan ekonomi dapat dicapai , kemiskinan segan mendekati kita.

Maksud Tersirat : Jika Masyarakat Tamil berusaha dengan gigih, tanpa asyik bercakap kosong, pasti keadaan kemiskinan mereka akan berubah. Mereka juga dapat hidup mewah dan bahagia.

(bait 1 – baris 4 : m.s.181)

Dalam puisi ini, penyair dapat menyampaikan mesej secara mudah melalui diksi-diksi yang dipilih tepat. Penyair menggambarkan Masyarakat Tamil selama ini hanya bercakap kosong tanpa melakukan strategi untuk meningkatkan sosio-ekonomi mereka. Penyair juga menyatakan bahawa hanya kejayaan ekonomi sahaja dapat membawa perubahan dalam status ekonomi mereka. Diksi yang berbunyi ‘kemiskinan akan segan untuk mendekati mereka’ merupakan diksi yang dapat menyampaikan mesej penyair dengan tepat dalam puisi ini.

Kesimpulan

Penggunaan diksi memainkan peranan yang amat penting dalam penyampaian tema serta memberi nilai kesenian dalam puisi. Keadaan ini jelas terbukti dengan penggunaan diksi penyair dalam tema alam semesta, kebudayaan dan sosio-ekonomi. Dalam tema alam semesta, penyair dapat memperihalkan keindahan alam serta menyampaikan keunikan alam dengan jelas. Jiwa pembaca dapat menghayati tema perbincangan penyair. Penyair juga dapat menyampaikan keluhan hati mengenai pengabaian manusia akan alam dan menyedarkan diri mereka. Dalam tema kebudayaan pula, penggunaan diksi penyair dapat memberi inspirasi dan panduan akan kepentingan budaya dalam keutuhan bangsa. Penggunaa diksi yang tepat dalam tema ini dapat menyedarkan pembaca mengenai kepentingan bahasa.

Penggunaan diksi penyair dalam tema sosio-ekonomi pula dapat menyampaikan isi hati penyair dengan tepat. Hasrat penyair yang ingin membangkitkan masyarakat

India untuk menguasai segala peluang yang terdedah di negara ini, dapat disampaikan dengan mudah melalui diksi yang dipilihnya.

PENGGUNAAN UNSUR METAFORA DALAM PUISI-PUISI TAMIL ANTARA TAHUN 1970-2000

Pengenalan

Metafora merupakan bentuk bahasa yang digunakan sejak tamadun awal (Muhamad Haji Salleh:1988). Metafora merujuk kepada kiasan yang mempunyai cara mengatur ayat dan frasa yang ingin menyentuh makna secara tidak langsung. Penyair menggunakan metafora untuk menyampaikan maksud tema dengan berkesan.

Bentuk kiasan metafora berdasarkan kepada analogi yang menyamakan sesuatu benda atau objek dengan sesuatu objek yang lain. Dengan cara penyamaan ini, metafora dapat memindahkan sifat daripada objek pertama kepada objek kedua. Dalam pemindahan maksud ini, pembaca dibawa kepada persamaan antara kedua-dua benda yang dibandingkan (Ibrahim Ahmad:2008).

Metafora biasanya terdiri daripada dua patah perkataan. Satu perkataan bersifat konkrit dan satu perkataan lagi berbentuk abstrak. Penggunaan metafora dalam puisi akan menerbitkan makna yang lain daripada makna tersurat dalam puisi. Metafora

merupakan perbandingan tanpa kata ‘seperti’, ‘umpama’ dan lain-lain. Metafora tidak terikat kepada makna dua lapis dan tidak memerlukan pengutaraan perkara yang dijadikan perbandingan. Pada hakikatnya metafora itu dapat dikatakan ungkapan atau simpulan bahasa bermakna bandingan atau analogi.

4.4 PENGGUNAAN UNSUR METAFORA DALAM PUISI-PUISI TAMIL ANTARA TAHUN 1971-2000 – TEMA ALAM SEMESTA

4.4.1 Somasanma (1971-1985)

ftpijf;fh gQ;rk;?

(Tiada kekeringan untuk puisi)

Dalam puisi ini (Lampiran 13), penyair menyatakan bahawa kewujudan alam yang tersergam indah ini memberi banyak ilham untuk beliau menciptakan puisi dengan mudah. Setiap kejadian alam sekitar menjadi inspirasi untuk beliau melahirkan puisi dengan penuh imaginasi. Kebolehan penyair memperihalkan setiap kejadian alam boleh menjadi pendorong untuk melahirkan puisi. Beliau menambah, sinaran bulan di langit, alunan air terjun, tumbuh-tumbuhan hijau serta bunga yang berwarna-warni merupakan sumber kepada tema puisi beliau. Penyair merumuskan bahawa melalui keadaan-keadaan alam seumpama ini, beliau seolah-olah tidak merasakan kekeringan ilham untuk mencipta puisi-puisi yang bermutu tinggi.

Dalam membicarakan tema ini, penyair banyak menggunakan keindahan bahasa yang agak unik. Di antaranya :

Contoh : 1

Metafora : fz;nzjpNu kpd;Dfpd;w ,aw;if vopnyy;yhk;
ftpijnaDk; mofurp ehzKld; epd;W
..... MLfpwhs;

Transliterasi (TR) : /kannetire: miNNukinRa iyaRkai ezil ella:m
Kavitai yenum azakarasi na:namudan nhinRu
....a:dukiRaL/

Terjemahan : Segala kejadian alam yang indah berlaku di depan
mataku ini seolah-olah seorang gadis puisi menari di
depan dengan penuh kesantunan bahasa

Maksud tersirat : Manusia boleh mendapat ilham daripada alam nyata
dengan mudah untuk mencipta puisi

(bait 1 – baris 3-4 : m.s.182)

Dalam bait di atas, penyair mengimejkan kelahiran setiap kejadian alam nyata kepada cetusan ilham untuk menciptakan puisi. Beliau juga mengimejkan inspirasi yang lahir dalam jiwa penyair dengan menggunakan metafora iaitu tarian seorang gadis dengan penuh kesantunan bahasa. Secara simboliknya, penyair menggariskan bahawa setiap kejadian alam mempunyai unsur inspirasi untuk mencipta hasil kesusasteraannya.

4.4.2 Karu. Tivarasu (1971-1985)

thd;kPd;

(Bintang di langit)

Dalam puisi ini (Lampiran 14), penyair memperihalkan bintang-bintang di langit dengan unsur metafora dan simile yang unik. Beliau mengibaratkan bintang-bintang di

langit dengan bentuk imajinasi yang menarik. Beliau menyatakan, kerlipan bintang-bintang di langit seolah-olah lampu pelita yang menyinar tanpa bekas dan minyak. Penyair dapat menimbulkan imajinasi bahawa, kekerlipan bintang-bintang ini juga sebagai taburan permata di langit yang sungguh indah. Dalam teknik menimbulkan imajinasi ini penyair menggunakan metafora yang agak menarik dalam puisinya. Di antaranya :

Contoh : 1

Metafora : thdf; Fsj;jpd; kPd;fs;

Transliterasi (TR) : /va:Nak kuLatin mi:NkaL /

Terjemahan : ikan dalam kolam langit

Maksud tersirat : Pemandangan kekerlipan bintang di langit

(bait 3 – baris 1 : m.s.183)

Dalam bait di atas, penyair mengutarakan metafora iaitu kumpulan ikan di langit untuk menggambarkan pemandangan bintang yang menyinar dengan serba indah di langit. Melalui penggunaan metafora ini penyair dapat menimbulkan imajinasi sebuah kolam ikan di langit untuk tatapan keindahan alam kepada pembaca.

4.4.3 Malavan (1986 - 2000)

ejp

(Sungai)

Dalam puisi ini (Lampiran 15), penyair memperihalkan sungai dengan nada kepuistisan yang menarik. Penyair membicarakan keperihalan sungai dengan gaya sungai tersebut menyuarakan sejarah hidupnya. Dalam puisi ini, sungai menceritakan, ia telah menghadapi beberapa rintangan dan dugaan di sepanjang perjalanan sebelum sampai ke muara laut. Sungai mendakwa, ia telah berperanan utama dalam mengindahkan alam di sepanjang perjalanan. Ia juga mendakwa tanpa sumbangannya dunia ini tidak akan mencapai kemakmuran yang diinginkan. Ini kerana di sepanjang perjalanan, ia bukan sahaja membantu sistem saliran tetapi juga memperkembangkan sektor pertanian serta menghasilkan makanan protin untuk manusia. Sungai mengaku sedih apabila manusia mencacinya serta memaki hamun kerana menjadikan banjir yang membinasa. Walau bagaimanapun sungai menyatakan ia tetap memberikan sumbangan tidak berbelah bahagi walaupun manusia marah terhadapnya.

Dalam membicarakan tema ini, penyair juga mengemukakan metafora yang sesuai untuk membawa gambaran sebenar kepada pembaca.

Contoh : 1

Metafora : Cu;Gfo; tpsq;fpLk; ey; cau;njhz;ld; ehdd;Nwh!

Transliterasi (TR) : /u:rpugaz viLangidum nhal uyartondan nha:NaNro:!/

Terjemahan : Sayalah penggikut setia yang memberikan khimatnya secara ikhlas dan mendapatkan pujian

Maksud tersirat : Manusia harus memberi sumbangan secara ikhlas walaupun dibenci masyarakat

(bait 2 – baris 4 : m.s.184)

Di dalam bait di atas, penyair mengemukakan sumbangan sungai kepada dunia ini seakan-akan sumbangan seorang pengikut setia kepada tuannya. Seorang pengikut yang setia akan memberikan perkhimatan secara ikhlas dengan hati yang mulia. Penyair di sini menyamakan keadaan ini dengan keadaan sungai di mana walaupun sungai dibenci dan dimarahi kerana menjadikan banjir, ia tetap tidak memarahi manusia. Cara hidupnya tetap tidak berubah daripada memberi sumbangan tidak kira masa dan tempat. Metafora yang digunakan penyair jelas menyampaikan maksud tema yang ingin disampaikan oleh penyair.

4.4.4 Maithi Sultan (1986-2000)

Gy;

(Rumput)

Dalam puisi ini (Lampiran 16), penyair membayangkan keindahan rumput yang menghijau dengan keindahan bahasa dalam bentuk keputisan. Penyair menyatakan bahawa rumput merupakan satu khazanah dunia yang memberi inspirasi keindahan alam nyata kepada manusia. Mengikut penyair tanpa rumput yang menghijau ini dunia akan hilang keceriaannya. Beliau turut menambah bahawa, setiap sudut dunia ini hanya dapat diserikan oleh rumput yang hijau. Rumput hijau ini juga mengimbangi kehausan dunia. Penyair menambah, pemandangan hijau yang dilahirkan oleh rumput boleh mewujudkan keadaan nyaman dan keharmonian di dunia ini. Dalam puisi ini penyair dapat mengutarakan metafora yang dapat menarik perhatian pembaca.

Contoh : 1

Metafora	: FikAk; G+kpapd; nfhjpg;ig kiwf;f fITs; Nghu;jjpa gr;irg; Gilit
Transliterasi (TR)	: /kumayum bu:miyiN kotipai maRaika kadavuL po:rttiya pacai pudavai /
Terjemahan	: selimut hijau (sari) yang dibentangkan Tuhan untuk meredakan suhu dunia
Maksud tersirat	: Kehijauan memberi keharmonian kepada alam ini.

(bait 1 – baris 4: m.s.185)

Di dalam bait di atas, penyair mengutarakan unsur metafora iaitu selimut hijau (sari) bagi rumput yang menyelubungi permukaan dunia. Penggunaan metafora ini juga dapat membayangkan betapa nyamannya dunia dengan rumput yang menutupi bumi ini dengan segar. Secara tidak langsung juga penyair menimbulkan kesedaran kepada pembaca untuk menjaga anugerah Tuhan dengan baik demi mengekalkan keseimbangan ekologi dunia bagi kebaikan semua penghuni dunia.

4.5 PENGGUNAAN UNSUR METAFORA DALAM PUISI-PUISI TAMIL ANTARA TAHUN 1971-2000 – TEMA KEBUDAYAAN

4.5.1 Karaikilar (1971- 1986)

Mz;fis ek;ghNj

(Jangan terpedaya dengan lelaki)

Dalam puisi ini (Lampiran 17), penyair telah menimbulkan kesedaran akan kepekaan kaum wanita terhadap lelaki yang mengambil kesempatan terhadap mereka. Penyair mengingatkan kaum wanita supaya berjaga-jaga semasa bergaul rapat dengan lelaki. Ini kerana golongan lelaki hanya menunggu kesempatan untuk mengeksploitasi sifat lemah-lembut dan murah hati kaum wanita. Beliau menyatakan bahawa kaum lelaki ini akan menggunakan daya dan tipu helah untuk menghancurkan maruah wanita dengan apa cara sekali pun. Penyair menyarankan bahawa kaum wanita harus berwaspada serta cuba mengelakkan diri daripada kerakusan kaum lelaki ini dengan menjaga batasan perhubungan. Wanita harus menilai pengertian di sebalik kata-kata manis lelaki dan segala tindak-tanduk lelaki sebagai langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan diri daripada penindasan kaum lelaki.

Dalam menimbulkan kesedaran kaum wanita terhadap kerakusan lelaki, penyair menggunakan metafora yang sesuai dan jitu:

Contoh : 1

Metafora	: mk;G njhLj;Nj nfhy;Yk; tpy;iy
Transliterasi (TR)	: /am:bu thoduthe: kollum villai /
Terjemahan	: Jangan percaya pada ibu panah (<i>bow</i>) yang memancarkan anak panah untuk membunuh
Maksud tersirat	: kaum lelaki menggunakan helah kecintaan untuk memperdayakan wanita

(bait 2 – baris 1 : m.s.186)

Dalam baris ini, penyair mengimejkan busur yang memancarkan anak panah sebagai metafora bagi kaum lelaki yang memusnahkan kesucian wanita. Penyair mengimejkan begitu kerana lelaki yang berniat jahat, selalu meluahkan kata-kata manis

dan indah untuk memperdayakan wanita. Mereka dapat memikat hati wanita dengan mudah terpengaruh dengannya. Pada hakikatnya penyair menyatakan bahawa, gelagat si lelaki adalah untuk menggoda serta menghancurkan penghormatan kaum wanita.

Contoh : 2

Metafora : gpd; eP Njk;gpaOk; NghjtNuh
tz;lhfp
tpLthu;

Transliterasi (TR) : /piN: nhe: the:mbiyazum Po:thavaro: vanda:gi
Viduva:r/

Terjemahan : semasa kau menangis kaum lelaki akan menjadi kumbang

Maksud tersirat : semasa wanita menderita kerana dirinya Dianiya, si lelaki akan mencari wanita lain untuk meneruskan angkaranya.

(bait 3 –baris 4: m.s.186)

Dalam baris ini, penyair mengimejkan lelaki kepada seekor kumbang. Kumbang adalah metafora bagi lelaki yang menodai wanita. Penyair menyamakan **lelaki yang rakus** kepada **kumbang** kerana kumbang pada kebiasaannya akan mendapatkan madu dari bunga ke bunga. Kumbang tidak akan setia dengan sekuntum bunga untuk mendapatkan madu. Ia akan berterbangan ke bunga lain setelah hasratnya telah tercapai. Cara ini diibaratkan kepada seorang lelaki serong yang tidak sehati sejiwa dengan wanita yang dicintainya. Lelaki seumpama ini hanya menunggu masa dan peluang untuk mendapatkan kepuasan seksnya melalui percintaan yang dijalini. Jika hasratnya tercapai mereka akan mencari wanita lain.

4.5.2 Karaikilar ((1971-1985)

gs;sp vOr;rp

(Kebangkitan)

Dalam puisi ini (Lampiran 18), penyair membidas sikap segelintir Masyarakat Tamil, yang tidak mempunyai kesedaran untuk membangkit. Beliau menyatakan golongan ini tidak mempunyai kesedaran walaupun telah mengalami kegagalan dalam hidup mereka. Penyair mengkritik bahawa golongan ini tidak berpendirian teguh serta mudah terpengaruh dengan kegagalan semasa membuat percubaan baru. Penyair juga mengkritik sikap golongan ini bahawa mereka tidak dapat membayangkan masalah yang akan menimpa di hari muka oleh generasi akan datang. Penyair menyarankan supaya golongan ini harus menghindarkan diri daripada sikap dan pemikiran kolot serta kepercayaan animisma supaya hidup makmur di dunia ini. Penyair juga memberi amaran bahawa jika mereka tidak sedar dan bangkit, generasi akan datang menghadapi tekanan hidup yang tinggi. Mereka juga akan ketinggalan jauh dari perkembangan dunia sejagat.

Dalam puisi ini, penyair menggunakan unsur-unsur metafora yang sesuai untuk menyampaikan tema di atas :

Contoh : 1

Metafora : njUntwpe;j vr;rp iyah?

Transliterasi (TR) : /teruveRinta eccilaiya:?/

Terjemahan : adakah masyarakat India bekas daun pisang (yang digunakan untuk makan) yang dibuang di tepi jalan.

Maksud tersirat : jika tidak sedar membangkitkan diri mereka akan dipandang hina.
(bait 1 – baris 1: m.s.187)

Dengan penggunaan metafora ‘bekas daun pisang’ di atas, penyair menyamakan sikap masyarakat lain yang tidak menghormati masyarakat India di negara ini. Penyair juga dapat membayangkan bahawa jasa dan pengorbanan mereka tidak lagi dihargai, walaupun Masyarakat Tamil berbakti dan menyumbang jasa untuk memakmurkan negara. Dalam arus pembangunan kini, segala sumbangan mereka tidak lagi mendapat perhatian dan penghargaan. Melalui metafora ini, penyair juga cuba menyedarkan diri Masyarakat Tamil untuk memahami keadaan diri serta membayangkan kesan yang akan dialami jika masih tiada kesedaran diri. Pada hakikatnya, bekas daun pisang yang dibuang di tepi jalan digunakan penyair untuk menggambarkan suatu keadaan hina atau pandangan rendah. Penyair menggunakan unsur metafora ini untuk menghubungkan sikap Masyarakat Tamil yang tidak mempunyai kesedaran dan maruah diri.

Contoh : 2

Metafora : *jpUtpoe;j fw;rpiyah?*
Transliterasi (TR) : /tiruvizanta kaRcilaiya:?!/
Terjemahan : Patung yang terukir indah hilang sanjungannya.
Maksud tersirat : Budaya bangsa dan nilai masyarakat yang teragung akan tidak bererti

(bait 1 – baris 2: m.s.187)

Penggunaan unsur metafora dalam baris ini, dapat menyampaikan mesej penyair bahawa jika Masyarakat Tamil masih tidak sedar untuk membangun akan hilang

penghormatan dan maruah pada satu hari nanti. Mengikut adat Masyarakat Tamil patung yang diukir cantik mempunyai nilai penghormatan yang tinggi sehingga digunakan untuk beribadat. Pada masa yang sama jika patung itu tidak lagi dipuja atau dijaga ia akan hilang penghormatan. Penyair menggunakan makna imej ini untuk membandingkan Masyarakat Tamil yang masih dibuai mimpi dan tiada kesedaran untuk bangkit dan ketinggalan di negara ini.

4.5.3 Ponmudi G.Subramaniam(1986-2000)

ekf;Fs; ehk;

(Sesama kita)

Dalam puisi ini (Lampiran 19), penyair membicarakan kelemahan Masyarakat Tamil dalam pembangunan diri. Penyair membidas Masyarakat Tamil yang tidak dapat mengubah diri mengikut arus pembangunan perdana yang melanda negara. Ini kerana mereka tidak mempunyai visi masa hadapan. Masyarakat Tamil tidak mempunyai rancangan masa depan yang rapi serta tiada kesedaran untuk menuntut hak mereka. Penyair juga membidas Masyarakat Tamil tidak dapat menghadapi rintangan hidup mereka tanpa keutuhan perpaduan sesama mereka. Penyair berupaya memindahkan tema ini dengan menggunakan metafora yang tepat :

Contoh : 1

Metafora : fapw;w We;j gl;lq;fs; Mdhu;

Transliterasi (TR) : /kayiRRarunta PaddangaL a:Na:r /

Terjemahan : Masyarakat Tamil menjadi lelayang berputus benang

Maksud tersirat : tidak mempunyai halatuju serta matlamat hidup
(bait 1 – baris 3: m.s.188)

Melalui bait di atas, penyair dapat membandingkan kehidupan yang penuh dengan sengsara Masyarakat Tamil dengan unsur metafora iaitu **lelayang berputus benang**. Melalui unsur metafora ini penyair dapat membayangkan bahawa Masyarakat Tamil tidak mempunyai halatuju serta matlamat hidupnya. Beliau juga dapat menyampaikan gambaran masa depan Masyarakat Tamil melalui unsur ini kerana lelayang berputus benang akan mengikut arus tiupan angin sahaja. Keadaannya tidak menentu arah dan matlamat. Melalui penggunaan metafora ini penyair dapat menyampaikan temanya dengan jelas kepada pembaca.

Dalam bait yang seterusnya penyair berupaya mengukuhkan lagi temanya melalui metaforanya berikut :

Contoh : 2

Metafora : **Gy;nyd vjpYk; vq;Fk; Gwe;js;sp**

kfpo;Nthu;

Transliterasi (TR) : /**pullena** etilum engkum puRantaLLi magizvo:r /

Terjemahan : Masyarakat yang lain akan bergembira dengan mengetepikan kita

Maksud tersirat : Masyarakat lain memandang rendah akan kebolehan Masyarakat Tamil. Mereka berasa gembira apabila mengetepikan Masyarakat Tamil dalam segala aspek

(bait 1 – baris 3 : m.s.188)

Melalui bait ini penyair dapat membandingkan keutuhan Masyarakat Tamil dengan **sebatang rumput**. Rumput sentiasa dipijak oleh manusia dan binatang. Keadaan ini menunjukkan rumput mempunyai martabat rendah dan dipandang hina. Dengan ini, penyair menjadikan rumput sebagai metafora kepada Masyarakat Tamil di Negara ini. Penyair, secara simboliknya menyedarkan Masyarakat Tamil supaya bangkit sebagai bangsa yang mempunyai kesedaran hak serta keutuhan ekonomi supaya masyarakat lain akan memandang tinggi.

Dalam bait yang berikut pula penyair telah menterjemahkan pengabaian Masyarakat Tamil dalam arus pembangunan perdana dengan metafora yang jitu :

Contoh : 3

Metafora : eLj;njU ehah? vd;W

Transliterasi (TR) : / nhaduteru na:ya:? yeNRu /

Terjemahan : Adakah kita anjing jalanan sahaja?

Maksud : hidupnya seperti anjing keliaran di jalanraya

(bait 1 – baris 3 : m.s.188)

Dalam bait di atas, teknik menyampaikan mesej melalui metafora dapat dilaksanakan oleh penyair dengan jayanya. Keperihalan Masyarakat Tamil yang hidup tanpa halatuju, misi hidup serta tanpa perlindungan kepimpinan disamakan seperti **anjing keliaran di jalanraya**. Anjing jalanan pada hakikatnya tiada perlindungan. Kehidupannya ditentukan melalui suasana harian yang tiada ketentuan. Penyair membidas Masyarakat Tamil dengan mengamalkan kedudukan mereka sebagai anjing tanpa perlindungan. Dengan demikian, penyair ingin menyampaikan mesej ketidakpekaan dan kesedaran diri melalui metafora pilihannya.

4.5.4 Malavan (1986-2000)

vJ ehfupfk;?

(Apakah tamadun sebenar?)

Dalam puisi ini (Lampiran 19), penyair telah mengkritik perubahan dalam tatalaku segelintir wanita yang melanggar tatasusila budaya masyarakat. Beliau membidas secara mendalam segala pelakuan yang keterlaluan dengan alasan bahawa cara itu merupakan permodenan serta kehendak dunia moden sekarang. Beliau menyatakan perbuatan kaum wanita ini bukan sahaja menjatuhkan maruah bangsa bahkan juga menjatuhkan maruah kaum wanita. Penyair menyatakan cara berpakaian, cara perhiasan diri dan cara pergaulan golongan ini jauh melampaui batasan dan norma-norma masyarakat. Penyair menasihati golongan ini supaya berubah sikap dan mementingkan kecantikan dalaman iaitu rohaniah dan bukan kecantikan luaran.

Dalam puisi ini, penyair menggunakan metafora yang padat dalam penyampaian temanya :

Contoh : 1

Metafora : kJTz;l tz;lhf p khw;whu; fhl;Lk;
kWehfupfj;jpw;F kaq;fp

Transliterasi (TR) : / matuvunda vanda:ki ma:tRRa:r ka:ttum
maRunha:karikattiRku mayangi /

Terjemahan : menjadi seekor kumbang yang mabuk dengan
terpengaruh daripada budaya asing

Maksud tersirat : wanita seolah-olah telah menjadi khayal

kepada arus perkembangan budaya kuning serta khayal dengan ciri-ciri perubahan negatif dunia moden

(bait 2 –baris 3 : m.s.189)

Dalam baris di atas, penyair menggunakan seekor kumbang yang mabuk sebagai metafora kepada seorang wanita yang terpengaruh dengan budaya asing. Kumbang yang tersedut terlalu banyak madu daripada sekuntum bunga ia akan mual dan khayal. Keadaan yang sama akan menimpa kepada seorang wanita yang terlalu mengikut cara barat dan mengabaikan tradisi bangsanya sendiri. Jika diri mereka terdorong untuk mengagungkan budaya barat, mereka akan lupa diri serta hilang penghormatannya dalam masyarakat sendiri. Secara simboliknya penyair membayangkan wanita yang berfoya-foya hidup sebagai seekor kumbang yang mabuk.

Contoh : 2

Metafora : nghq;fp tUk; G+toF

Transliterasi (TR) : / ponggi varum pu:vazaku /

Terjemahan : Kecantikan bunga yang mekar

Maksud tersirat : Kecantikan semulajadi wanita terbentuk melalui sifat-sifat rohaniah yang murni

(bait 4 –baris 2 : m.s.189)

Dalam baris di atas, penyair mengimejkan kecantikan semulajadi kepada sekuntum bunga yang telah mekar dengan segar. Bunga segar, harum dan cantik sempurna dengan ciri-ciri semulajadinya. Kecantikan sekuntum bunga terukir sendiri dan tidak boleh diciptakan. Penyair ingin menyamakan kecantikan asli wanita kepada kecantikan bunga ini. Beliau secara simboliknya menyeru supaya wanita seharusnya harum dengan sifat-sifat dalaman bukan dengan perwatakan luaran yang akan ditelan zaman.

4.6 PENGGUNAAN UNSUR METAFORA DALAM PUISI-PUISI TAMIL ANTARA TAHUN 1971-2000 – TEMA SOSIO-EKONOMI

4.6.1 Tirumalanar (1971-1985)

jkpou; epiy

(Keadaan Masyarakat Tamil)

Dalam puisi ini (Lampiran 21), penyair dapat menggambarkan keadaan hidup serta sosio-ekonomi Masyarakat Tamil di negara ini. Beliau menyatakan di negara yang tercinta ini segala peluang terbuka luas untuk menikmati kehidupan mewah. Walau bagaimanapun, Masyarakat Tamil tidak dapat mengecapi kehidupan tersebut kerana tidak mempunyai kesedaran diri. Penyair menyenaraikan sikap-sikap negatif seperti berfikiran kolot, tiada berfikiran rasional dan sikap mementingkan diri sendiri sebagai penghalang kepada pembangunan sosio-ekonomi Masyarakat Tamil di negara ini. Penyair menyarankan bahawa Masyarakat Tamil harus sedar akan kepentingan kemajuan ekonomi untuk maju sebagai bangsa berkuasa ekonomi di negara ini. Penyair mengingatkan supaya Masyarakat Tamil harus mengikis tabiat membuang masa tanpa berfaedah serta merancang masa depan kemajuan ekonomi dengan tepat untuk kemajuan diri. Penyair juga menyarankan kepada pemimpin-pemimpin bangsa supaya menggariskan strategi dan langkah-langkah kemajuan Masyarakat Tamil yang harus diatur rapi dan tepat, supaya dapat membawa pembangunan sosio-ekonomi pada jangka waktu panjang.

Dalam puisi ini, penyair dapat menjelaskan maksud, dengan mengutarakan unsur metafora yang jitu :

Contoh : 1

Metafora : GypNtl;il ahIGwg;gLthu; Nghw;fhl;b
vypNtl;il ahbkpfr; Nrhu;thu;

Transliterasi (TR) : / pulive:ttai ya:dapuRappaduva:r po:lka:tti
Elive:ttai ya:dimika so:rva:r /

Terjemahan : seolah pergi memburu harimau, tetapi hanya dapat memburu tikus

Maksud tersirat : Masyarakat Tamil merancang untuk mendapatkan pulangan yang lumayan melalui perancangan ekonomi yang tidak tentu tetapi hanya mendapat pulangan yang minima yang tidak setimpal dengan usahanya.
(bait 9 –baris 1: m.s.190)

Dalam baris ini penyair dengan sinisnya menyindir usaha Masyarakat Tamil dalam pelaburan ekonomi. Penyair menyindir bahawa tindakan ekonomi mereka tidak diatur dengan rapi dan teratur dengan mengimejkannya kepada pemburuan tikus yang asalnya dirancang untuk memburu harimau. Penyair dengan sinisnya menyindir Masyarakat Tamil bahawa mereka hanya megah diri dengan menghebohkan usaha-usaha mereka tetapi pada akhirnya kejayaan hanyalah pada kadar yang minima. Dengan penggunaan unsur metafora ini, penyair menyeru Masyarakat Tamil supaya mengatur perancangan rapi serta strategi yang tepat dalam menangani masalah sosio-ekonomi mereka.

4.6.2 Karaikilar (1971-1985)

,ay;G

(Kelaziman)

Dalam puisi ini (Lampiran 22), penyair membandingkan kebiasaan alam yang berlaku di persekitaran sebagai ukuran kepada kebiasaan Masyarakat Tamil. Dalam bait pertama, beliau mengemukakan kelaziman perlakuan setiap yang bernyawa untuk membangkitkan perbandingan ini. Dalam pembicaraan tema ini, penyair mengkritik bahawa setiap benda yang wujud di dunia ini akan mengalami perubahan. Perubahan ini jelas kelihatan dalam setiap perlakuan alam. Daripada perlakuan manusia sehingga kewujudan alam, kesemuanya mengalami perubahan pada setiap detik. Tetapi, mengikut penyair Masyarakat Tamil sahaja tidak dapat seiring dengan adat perubahan ini. Penyair merumus, perubahan yang berlaku di persekitaran adalah kebiasaan dunia tetapi keadaan sikap yang tidak mahu mengubah diri adalah kebiasaan Masyarakat Tamil.

Dalam tugas menyampaikan tema ini, penyair mengutarakan unsur metafora yang berikut:

Contoh : 1

Metafora	: G+l;lr; RoYk; kh;l;Lr; nrf;fpd; GfNo jkpod; ,ay;G
Transliterasi (TR)	: / pu:tta suzalum ma:ttu sekkin pukaze: tamizan iyalbu /
Terjemahan	: Masyarakat Tamil hanya bagaikan berpusing dalam putaran yang sama seperti lembu jantan yang terikat dengan alat pengisar minyak
Maksud tersirat	: tidak mahu membawa perubahan dalam dirinya.

(bait 2 –baris 4 : m.s.191)

Melalui bait di atas, penyair membandingkan sikap tidak mahu menuntut perubahan dalam diri Masyarakat Tamil dengan penggunaan unsur metafora yang tepat iaitu lembu jantan yang terikat pada alat pengisar minyak. Penggunaan metafora ini memberi gambaran tepat akan sikap Masyarakat Tamil kerana lembu jantan yang terikat pada alat pengisar minyak hanya dapat berpusing dalam putaran yang sama semasa melakukan kerja untuk mengeluarkan minyak daripada bijan. Ia tidak akan berganjak daripada lingkaran ini. Lembu jantan yang sudah biasa dengan kerja ini bagi jangka waktu yang lama, tidak berupaya melakukan kerja-kerja yang baru walaupun diajar. Dengan penggunaan unsur metafora ini penyair dengan jelas membayangkan keadaan dan sikap Masyarakat Tamil dengan tepat.

4.6.3 Tiruvarasu (1986-2000)

jkpou; xw;Wik

(Perpaduan Masyarakat Tamil)

Dalam puisi ini (Lampiran 23), penyair mengemukakan senario sebenar perpaduan dalam kalangan Masyarakat Tamil. Dalam sajak ini, penyair membayangkan segala rintangan yang dihadapi Masyarakat Tamil dalam membentuk semangat perpaduan sejak zaman Sangkam. Penyair menyatakan bahawa sejak Zaman pra sejarah, Masyarakat Tamil sering menghadapi pelbagai rintangan dalam usaha membentuk perpaduan. Mereka menghadapi rintangan ini baik daripada pihak luar mahupun daripada faktor dalaman. Penyair menggariskan, serangan tentera sesama mereka oleh Raja-Raja Tamil di selatan India, perbezaan fahaman dan mazhab yang mewujudkan perkelahian keagamaan serta kewujudan sistem kasta adalah antara

beberapa faktor penting yang mewujudkan perpecahan dalam kalangan Masyarakat Tamil.

Penyair merumuskan bahawa perkara yang paling mendukacitakan ialah, membawa fahaman sistem kasta oleh Masyarakat Tamil semasa berhijrah ke negara ini. Dengan sinisnya penyair membidas bahawa Masyarakat Tamil telah membawa fahaman yang hanya akan merugikan masyarakat ini.

Dalam membicarakan sikap ini, penyair menggunakan unsur metafora yang berikut :

Contoh : 1

Metafora : gpd;NdhUk; ,q;Nf gpwe;NjhUk;
rha;f;filapy;
tPo;e;J GuStij tpl;nlhopf;f \$lhjh?

Transliterasi (TR) : / piNNo:rum ingke: piRanto:rum sa:ikadaiyil
vi:zntu puraLuvatai vittolizka ku:data:? /

Terjemahan : haruskah mereka meneruskan sikap bermandi lumpur di longkang yang kotor

Maksud tersirat : Generasi baru tidak patut meneruskan amalan sistem kasta yang terkutuk

(bait 7 –baris 2 : m.s.193)

Melalui bait di atas, penyair mengimejkan sikap generasi baru yang masih mengamalkan sistem kasta seolah-olah bermandi lumpur dalam longkang yang kotor dan berbau busuk. Penyair menyatakan sikap membeza-bezakan diri sesama mereka telah menghancurkan perpaduan dan memberi kesan negatif ke atas perkembangan

sosio-ekonomi mereka. Dengan penggunaan unsur metafora ini, penyair menyampaikan mesej bahawa amalan berkasta merupakan amalan bodoh dan terkeji sekali. Beliau menyarankan supaya generasi baru harus berwajah baru dalam membina semangat perpaduan supaya bangkit dalam sosio-ekonomi mereka.

4.6.4 T.S. Ponnusamy (1986-2000)

jtisfspd; fpzWfs;

(Perigi katak)

Dalam puisi ini (Lampiran 24), penyair membicarakan tema penindasan terhadap Masyarakat Tamil dengan nada protes. Penyair membicarakan bahawa Masyarakat Tamil sudah jauh ketinggalan daripada pembangunan negara kerana penindasan ekonomi terhadap mereka. Beliau menegaskan sosio-ekonomi Masyarakat Tamil langsung tidak dipentingkan dalam arus pembangunan negara. Mereka diketepikan melalui dasar-dasar pembangunan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Masyarakat Tamil dianggap sebagai anak tiri kerana hak dan keperluan mereka sengaja dilupakan. Penyair berasa marah kerana sumbangan mereka terhadap ekonomi dan pembangunan negara tidak diambil kira dan sebaliknya dipinggirkan.

Dalam membicarakan tema ini, penyair menggunakan unsur metafora dalam setiap bait. Di antaranya:

Contoh : 1

Metafora : mWtilf;Fg; gpd; ehq;fs;

xJf;fg;gl;l itf;Nfhy; Nghu;fs;!

Transliterasi (TR)	: / aRuvadaikku pin nha:ngkaL Otukkappatta vaiko:l po:rkaL /
Terjemahan	: bagaikan jerami padi yang ditinggalkan selepas memperolehinya.
Maksud tersirat	: Dilupakan daripada pembangunan negara setelah memperolehinya sumbangan mereka dalam pembangunan ekonomi.

(bait 1 –baris 3 : m.s.196)

Melalui penggunaan unsur metafora ini, penyair dengan nada protesnya mengkritik bahawa sumbangan Masyarakat Tamil dalam pembangunan negara telah dilupakan sama sekali. Hasil usaha mereka di ladang-ladang getah selama ini tidak diiktiraf dan dilupakan oleh negara. Hasil sumbangan melalui titik peluh mereka untuk membangunkan negara ini hanyalah bagai jerami padi yang ditinggalkan selepas di banting. Dengan nada protes juga, penyair membawa imej jerami padi untuk memberi gambaran bahawa Masyarakat Tamil tidak mempunyai peranan dalam agenda pembangunan negara. Sumbangan serta hasil bakti mereka yang dicurahkan ke arah pembangunan negara tidak membawa sebarang perubahan dalam pembangunan sosio-ekonomi mereka.

Kesimpulan

Unsur metafora merupakan kiasan yang menghubungkan sesuatu objek dengan objek yang lain atau sesuatu konsep dengan sesuatu konsep yang lain. Metafora merupakan unsur yang penting memperkayakan nilai kepuhitan sesebuah puisi. Fungsi metafora ini jelas terbukti dalam puisi-puisi yang dikaji. Penggunaan metafora penyair, dalam ketiga-tiga tema jelas membuktikan fungsi dan peranan metafora. Unsur-unsur

metafora konkrit yang digunakan dalam tema alam semesta untuk menyampaikan unsur-unsur abstrak penyair, dapat membayangkan hasrat dan tema pilihan penyair. Melalui unsur metafora imaginasi pula penyair dapat menyemai unsur penghayatan dan percintaan terhadap alam di dalam jiwa pembaca.

Dalam tema kebudayaan pula, penyair-penyair menggunakan metafora yang dapat menggambarkan kepincangan dan keruntuhan kebudayaan Masyarakat Tamil dengan jelas. Penyair-penyair juga menggunakan metafora berunsur halus dan abstrak untuk menyampaikan tema kesadaran dengan mudah dan tepat. Dalam tema sosio-ekonomi pula penyair dapat menggunakan metafora bertautan dan dapat menjelaskan keadaan ketinggalan Masyarakat Tamil dalam menguasai kemakmuran ekonomi. Dalam tema ini, penyair menggunakan metafora-metafora berciri logika untuk membayangkan keadaan sebenar sosio-ekonomi Masyarakat Tamil.

4.7 PENGGUNAAN UNSUR SIMILE DALAM PUISI-PUISI TAMIL ANTARA TAHUN 1971-2000 – TEMA ALAM SEMESTA

4.7.1 Karaikilar (1971-1985)

fly; kq;if

(Puteri laut)

Dalam puisi ini (Lampiran 25), penyair mencerminkan keindahan laut dengan gaya puisi yang tinggi. Beliau mengibaratkan samudra sebagai seorang gadis muda dan beliau sebagai jejaka muda yang terciut hati akan kejelitaannya. Penyair meluahkan perasaan yang menyentuh pada pagi hari di tepi pantai. Mengikut beliau segala kejadian

samudra seolah-olah seorang gadis menjemput penyair untuk berasmara dengannya. Dalam puisi ini beliau berupaya mengutarakan beberapa simile yang mengguris hati pembaca :

Contoh : 1

Simile : Kj;Jg; gjpj;j ntz;rhy;it Nghy;

Transliterasi (TR) : /mutu patita vensa:lvai po:l /

Terjemahan : bagaikan selimut yang disemat mutiara

Maksud tersirat : Pemandangan pasir putih yang menyinar di tepi pantai

(bait 2 – baris 1 : m.s.197)

Di dalam bait di atas, penyair mengutarakan simile **selimut yang disemat mutiara** untuk menggambarkan pemandangan pasir putih yang menyinar di tepi pantai. Pasir di tepi pantai yang penuh keputihan dan menyinar melalui sinaran matahari diibaratkan kepada selimut yang disemat mutiara.

4.7.2 Ellison (1971-1985)

,aw;ghlk;

(Ajaran Alam)

Dalam puisi ini (Lampiran 26), penyair memetik dan menghuraikan setiap komponen alam semesta dengan nilai puitisan yang tinggi dan menarik. Penyair menyatakan bahawa ombak yang mencium pantai, gunung mencecah langit, angin yang bersepoi-sepoi bahasa, bunyi gemuruh di langit, kepulan awan terapung di langit serta

kesemua komponen alam yang tersergam indah ini bukan sahaja mengindahkan alam, tetapi juga memberikan suatu pengajaran kepada manusia. Penyair menyatakan setiap kejadian alam memberi banyak pengetahuan serta inspirasi kepada beliau untuk memahami nilai hidup. Mengikut penyair, di samping menggembirakan hati penghayatan alam akan menjadi sumber ilham kepada individu untuk menilai pengertian hidup.

Dalam pembicaraan keindahan alam ini, penyair menggariskan beberapa simile yang agak unik. Di antaranya:

Contoh : 1

Simile : **ngz;ghq;fpd; espdnkhL gpd;dp miy
NghLk;
gpionghWf;fh cs;snkd fiujOtp kPSk;**

Transliterasi (TR) : /penpa:nggiN nhaliNamodu piNNi alai po:dum
pizaipoRuka: uLLameNa karaitalzuvi mi:Lum/

Terjemahan : Alunan ombak yang mencium pantai seolah-olah kesantunan seorang wanita; keadaan ombak yang tidak berputus-putus mencapai pantai seolah-olah sebuah hati murni yang tidak mahu reda dengan menerima penipuan terhadapnya.

Maksud tersirat : Manusia harus menegakkan keadilan. Usaha berterusan harus dilaksanakan tanpa jemu demi menentukan kebenaran.

(bait 1 – baris 4 : m.s.198)

Dalam bait di atas penyair menggunakan kejadian semulajadi alam untuk menginspirasi panduan hidup manusia. Beliau mengibaratkan alunan ombak yang tidak terputus-putus kepada hati murni yang ingin menegakkan keadilan. Melalui simile

ini penyair menyeru pembaca supaya tidak mengalah dan patah semangat untuk menegakkan keadilan serta kebenaran.

4.7.3 C.Anbanantham (1986-2000)

ky;ypif kyu;

(Bunga melor)

Dalam puisi ini (Lampiran 27), penyair mentakrifkan keindahan dan keistimewaan bunga melor dengan nada keputisan yang menarik. Di samping menerangkan ciri-ciri keindahan bunga melor, penyair juga menjelaskan fungsinya, iaitu bunga melor mujarab bagi beberapa penyakit yang diubati secara tradisional. Penyair juga menyatakan bunga melor bukan sahaja menjadi perhiasan wanita, tetapi juga menjadi satu komponen penting dalam setiap upacara dan adat istiadat agama Hindu. Bunga melor menjadi kemestian dalam upacara pengkebumian dan majlis perkahwinan. Penyair mengistilahkan bunga melor sebagai eleman yang boleh mewujudkan percintaan dan menjadi tanda untuk menunjukkan kasih sayang seorang suami kepada isteri. Dalam mentakrifkan perihal bunga melor ini penyair menggunakan beberapa simile yang menarik. Di antaranya :

Contoh : 1

Simile : **Fotpapd; neQ;rk;Nghy; nfhz;lepwk;
ntz;ik! Fyg;ngz;bu; xOf;fk;Nghy;
FSFSf;Fk;
nkd;ik!**

Transliterasi (TR)	: /kuzaviyiN nhencampo:l kondaniram venmai! kulappendir ozukampo:l kuLukuLukum meNmai! /
Terjemahan	: warna bunga melor berwarna putih seolah-olah hati murni seorang bayi
Maksud tersirat	: Bunga melor merupakan salah sebuah bunga yang mempunyai kesucian secara semulajadi

(bait 3 – baris 1 : m.s.199)

Dalam bait ini penyair telah mempertengahan unsur simile berbentuk hati murni seorang bayi untuk mengibaratkan warna putih sekuntum bunga melor. Melalui simile ini penyair dapat menggambarkan bahawa bunga melor merupakan bunga yang suci serta mempunyai nilai martabat yang tinggi berbanding bunga-bunga lain. Kesucian inilah menjadikan bunga ini diutamakan dalam kesemua adat istiadat kebudayaan dan keagamaan orang beragama Hindu.

4.7.4 I.Ilavalagu (1986-2000)

Nfhk;ghf; MW

(Sungai Gombak)

Dalam puisi ini (Lampiran 28), penyair dapat memperihalkan Sungai Gombak yang menjadi nadi utama dalam perkembangan ibu kota Kuala Lumpur. Penyair menyatakan bahawa, Sungai Gombak mempunyai sejarahnya tersendiri dalam usaha memakmurkan Kuala Lumpur sebagai bandaraya yang terkemuka di rantau ini. Penyair memperkenalkan asal-usul serta keistimewaan Sungai Gombak dengan gaya keindahan bahasa yang menarik. Mengikut penyair Sungai Gombak merupakan sungai yang memberikan sumbangan yang bermakna dari segi sosial, ekonomi dan kebudayaan.

Penyair menambah, sungai ini memberi banyak faedah kepada penduduk tempatan dengan pelbagai cara sepanjang alirannya. Di samping membantu dalam bidang pertanian, ia juga membantu penduduk yang menetap di tebingnya dalam aktiviti perniagaan. Perkembangan perniagaan kecil-kecilan terutama di sepanjang Jalan Melayu dan Jalan Melaka adalah diasaskan oleh Sungai Gombak.

Dalam membicarakan wajah Sungai Gombak ini, penyair banyak menggunakan simile yang dapat memberikan penghayatan sebenar mengenai sungai ini. Di antaranya:

Contoh : 1

Simile : **kz;ghu;j;J elf;fpd;w ngz;izg; Nghy**

Transliterasi (TR) : /manpa:rttu nhadakiNra pennaip po:la/

Terjemahan : umpama seorang gadis yang berjalan menunduk ke arah bumi

Maksud tersirat : walaupun sungai Gombak memainkan peranan penting dalam kemakmuran Kuala Lumpur, ia tidak megah diri sebaliknya merendahkan diri dan mengalir seperti biasa

(bait 9 – baris 1 : m.s.202)

Dalam bait di atas, penyair mengutarakan simile ‘berjalan seperti seorang gadis bersopan santun’ untuk menggambarkan pengaliran Sungai Gombak yang menarik dan mencuit hati. Dengan penggunaan simile ini, penyair dapat menyampaikan keadaan aliran sungai ini dengan tepat serta menyampaikan satu mesej dengan jitu.

4.8 PENGGUNAAN UNSUR SIMILE DALAM PUISI-PUISI TAMIL ANTARA TAHUN 1971-2000 – TEMA KEBUDAYAAN

4.8.1 A.P. Thirumalan (1970-1985)

nkhopAk; ,dKk;

(Bahasa dan Bangsa)

Dalam puisi ini (Lampiran 29), penyair mengutarakan kepentingan mengekalkan ketulenan bahasa tanpa pencemaran kata pinjaman bahasa asing. Beliau menekankan bahawa semua pihak terutama golongan penulis harus menjaga ketulenan Bahasa Tamil untuk mendaulatkan bahasa di antara bahasa-bahasa lain. Penyair menyarankan bahawa dalam usaha memperkembangkan Bahasa Tamil ketulenannya harus menjadi perkara utama dan perlu diberi perhatian. Beliau merumus bahawa jika Bahasa Tamil dicemari dengan kata-kata pinjaman bahasa lain, ia akan membawa kesan negatif dalam kredibilitinya sebagai bahasa unggul. Dalam soal membicarakan isu ini, penyair turut menggunakan simile yang agak unik :

Contoh : 1

Simile : FLk;gg; ngz; ghjpAil azpe;J cyh

tUjw; NghNy!

Transliterasi (TR)	: /kudumbap pen pa:tiyudai aninhtu ula: virutal po:le:/
Terjemahan	: seolah-olah seorang isteri yang soleh menampilkan diri di khalayak ramai dengan pakaian menjolok mata
Maksud	: Bahasa Tamil akan hilang kesucian serta penghormatan di kalangan bahasa- bahasa lain jika dicemari dengan adunan kata-kata pinjaman bahasa asing (bait 3 –baris 4m.s.204)

Dalam bait di atas, penyair dapat menjelaskan maksud kepentingan ketulenan bahasa dalam perkembangannya. Beliau mengumpamakan ketulenan bahasa dengan kesolehan seorang isteri. Seorang isteri akan dipandang mulia dan tinggi melalui perwatakan dan penampilan diri. Jika si isteri berpakaian tidak sempurna dan menyakiti mata ia akan dipandang serong dan dihina oleh masyarakat. Penyair membandingkan perbandingan ini kepada bahasa. Jika bahasa hilang ketulennannya dengan kata-kata pinjaman yang luas dalam kesusasteraan ia akan kehilangan martabatnya. Bahasa itu juga akan hilang keunggulan serta kepentingannya di kalangan bahasa- bahasa lain.

4.8.2 T.V.R.P. (1971-1985)

Maj;kpo;;

(Bahasa kajian)

Dalam puisi ini (Lampiran 30), penyair menjelaskan ciri-ciri keistimewaan dan keunggulan Bahasa Tamil sebagai satu bahasa untuk kajian ilmiah. Beliau menyenaraikan ciri-ciri Bahasa Tamil sebagai bahasa yang unggul dengan usia lama serta setaraf dengan bahasa-bahasa lain yang unggul di dunia ini. Beliau menyatakan ia

diperkembangkan sejak tamadun awal dan terus berkembang secara gilang gemilang sehingga kini.

Dalam penyampaian tema dan persoalan bahasa ini, penyair mengutarakan simile yang agak tepat dan sesuai. Contohnya, dalam bait keempat dan di baris ketiga beliau menggunakan :

Contoh : 1

Simile : **fd;dw; RitjUk; Njd;wkpo;!**

Transliterasi (TR) : /kaNNr suvaitarum te:Ntamil /

Terjemahan : penghayatannya memberi perasaan seolah-olah
minum air tebu !

Maksud tersirat : pengkajian Bahasa Tamil secara mendalam akan
memberikan pengalaman manis kepada individu yang
menjiwai keunggulan bahasa itu.

(bait 4 – baris 4 : m.s.205)

Dengan penggunaan simile ini, penyair menyamakan penghayatan Bahasa Tamil secara mendalam dengan rasa lega yang diperolehi selepas meminum air tebu. Keseronokan dan kelegaan yang dimiliki selepas meminum air tebu adalah sama seperti seorang yang dahagakan bahasa. Apabila seorang individu mendalami diri dalam Bahasa Tamil, ia bukan sahaja menghayati keunggulan bahasa itu malah menenggelamkan diri dalam keindahan bahasa itu. Penyair merumus bahawa, Jika seseorang mengkaji Bahasa Tamil secara mendalam individu tersebut sudah tentu akan menjiwai bahasa itu bahkan juga dapat merasai keunggulannya.

4.8.3 G.Subramaniam (1986-2000)

,tdh jkpod;?

(Diakah Orang Tamil)

Dalam puisi ini (Lampiran 31), penyair membincangkan sikap negatif segelintir masyarakat yang tidak menyanjung tinggi martabat bahasa ibunda (Bahasa Tamil) tetapi mengagung-agungkan bahasa asing. Di samping menyentuh kelemahan bangsanya beliau turut menyemai unsur kesedaran supaya bangsanya bangkit dengan semangat cintakan bahasa. Beliau juga turut menggariskan cara menghargai bahasa serta menabur bakti untuk mempertingkatkan martabat bahasa dalam puisinya.

Dalam penyampaian tema ini, penyair mengemukakan simile yang agak tepat dan sesuai.

Contoh : 1

Simile : **fyg;ghiyf; ftpo;j;J tpl;Lf; fopePiu
cz;Zfpd;w**

Transliterasi (TR) : /kalappa:lai kavilztu vittu kazi ni:rai unnukiNRa /

Terjemahan : minum air kumuhan dengan membuang susu segar yang jernih

Maksud tersirat : sikap mengagung-agungkan bahasa lain dan mengetepikan kepentingan bahasa ibunda sendiri, merupakan sikap yang dikeji.

(bait 3 – baris 3 : m.s.206)

Dalam bait tiga baris ketiga penyair menggunakan simile untuk menerangkan tema yang ingin disampaikannya. Beliau mengibaratkan sikap segelintir masyarakat yang tidak menghargai bahasa seumpama minum air kumuhan dengan menumpahkan susu jernih. Minum air kumuhan merupakan perkara yang menjijikan. Bahkan ia juga akan memudaratkan kesihatan seseorang. Jika seseorang ingin minum air kumuhan walaupun diberikan susu segar, ia harus diklasifikasikan sebagai tindakan orang yang tidak siuman. Perbuatan mengetepikan bahasa ibunda (Bahasa Tamil) dan mengagungkan bahasa asing diibaratkan sebagai mencurahkan susu yang tersimpan dalam bekas dan meminum air kumuhan sebagai gantinya. Melalui simile ini, penyair dengan sinisnya menghina perbuatan segelintir masyarakat yang tidak menghargai bahasa ibunda sendiri. Melalui simile ini juga penyair berjaya menyampaikan perasaan dan mesej dengan tepat.

4.8.4 Ponmudi G.Subramaniam (1986-2000)

rq;fg;gyif

(Zaman Sangkam)

Dalam puisi ini (Lampiran 32), penyair mengkritik karyawan-karyawan yang kononnya membawa pembaharuan dalam penulisan dengan mengutarakan tema-tema baru tetapi menyeleweng dari objektif sebenar. Beliau membandingkan tenaga dan usaha yang dicurahkan untuk memperkembangkan Bahasa Tamil pada Zaman Pra dan Pasca Sangam dengan zaman moden ini. Beliau membicarakan bahawa usaha lampau telah memperkayakan bahasa dari segi khazanah kesusasteraan. Manakala kini, usahanya tidak mengekalkan kualiti bahasa. Apa yang dilakukan oleh karyawan dengan

alasan membawa arus perubahan dan permodenan dalam bahasa hanya melemahkan keutuhan dan kekayaan bahasa.

Dalam pembicaraan tema ini penyair dapat menggunakan simile-simile yang halus dan padat. Dalam bait ketiga baris kedua beliau menggunakan :

Contoh : 1

Simile : **xUehs; <ry; NghyhFk;**

Transliterasi (TR) : /oruna:L i:sal po:la:kum /

Terjemahan : karya yang tidak berkarisma akan mati seumpama seekor keridik yang hanya mempunyai jangka hayat yang singkat

Maksud tersirat : karya yang tidak bermutu tidak akan membawa kesan menyeluruh kerana ia tidak akan diminati dan akan hilang dari dunia kesusasteraan.

(bait 3 –baris 2 : m.s.207)

Dalam baris di atas, penyair membandingkan keridik dengan karya yang tidak bermutu. Pada hakikatnya keridik tidak mempunyai jangka hayat yang lama untuk hidup. Ia akan mati dalam masa sehari selepas menjadi keridik. Penyair ibaratkan karya yang tidak bermutu sebagai keridik kerana karya yang tidak bermutu tidak akan membawa kesan yang menyeluruh kerana ia tidak akan diminati dan akan hilang dari dunia kesusasteraan.

4.9 PENGGUNAAN UNSUR SIMILE DALAM PUISI-PUISI TAMIL ANTARA TAHUN 1971-2000 – TEMA SOSIO-EKONOMI

4.9.1 Karu.Tiruvrasu (1971-1986)

flik nra;! cupik nfhs;!

(Jalankan Tanggungjawab! Tegakkan hak!)

Dalam puisi ini (Lampiran 33), penyair mempersoalkan sikap segelintir Masyarakat Tamil yang tidak mempunyai semangat nasionalisme yang jati. Penyair sedih dan mengkritik segelintir Masyarakat Tamil yang masih mencintai negara asal nenek moyang mereka walaupun telah bermastautin di negara ini lebih daripada beratus-ratus tahun. Penyair membidas bahawa golongan ini walaupun telah menikmati segala kekayaan negara ini tetapi masih berhasrat kembali ke negara India kerana cinta mereka terhadap negara tersebut lebih kebal dan jati. Penyair menyatakan sikap seumpama ini akan mencemarkan imej Masyarakat Tamil yang sehati sejiwa dengan negara ini. Penyair juga memberi amaran bahawa jika sikap seumpama ini berterusan, golongan ini tidak akan mempunyai masa depan sosio-ekonomi yang cerah di negara ini.

Penyair menasihati kumpulan ini sedar dan mengambil pendirian sama ada terus tinggal atau kembali ke negara India. Beliau menyatakan dengan cara ini sahaja mereka dapat menegakan hak mereka sebagai rakyat Malaysia. Dalam pembicaraan tema ini penyair telah memilih simile yang agak unik iaitu :

Contoh : 1

Simile : **Mw;wpnyhU fhy; itj;J Nrw;wpnyhU
fhiy mOe;jplNt tpl;Lg;gpd; mtjpAwy;
NghNy**

Transliterasi (TR) ru ka:lai	: /a:RRiloru ka:l vaitu se:Rrilo azuntidave: vittuppiN avathiyuRal po:le: /
Terjemahan	: bagai menghadapi kesusahan dengan meletakkan kaki sebelah di sungai dan sebelahnya pula di dalam lumpur (tebing)
Maksud tersirat	: mesti mengambil keputusan yang muktamad supaya tidak lagi menderita

(bait 2 –baris 1 : m.s.208)

Dalam bait ini penyair menggunakan simile yang tepat untuk menyampaikan mesej. Simile ini membayangkan maksud tersirat yang tepat dengan tema penyair. Jika seorang ingin mandi di sungai beliau patut mengambil keputusan dengan cepat dan terus terjun ke dalam sungai dan mandi. Jika dia berwas-was dengan meletakkan sebelah kaki di sungai dan sebelahnya di dalam lumpur dia tidak dapat melakukan apa juga perlakuan dengan jayanya. Simile ini dapat menjelaskan keadaan tidak menentu seseorang dalam keadaan mengambil keputusan penting. Dalam puisi ini penyair menggunakan simile ini untuk menyamakan sikap sesetengah Masyarakat Tamil yang tidak dapat membuat keputusan muktamad sama ada tinggal terus di negara ini atau kembali ke negara India.

4.9.2 Somasanma (1971-1986)

ehs; ve;j ehNsh?

(Bilakah hari tersebut?)

Dalam sajak ini (Lampiran 34), penyair membicarakan sikap Masyarakat Tamil yang sering berkelahi sesama mereka dengan pelbagai alasan. Beliau membidas bahawa walaupun mereka dapat berkerjasama untuk menubuhkan pelbagai persatuan untuk menanam sikap perpaduan tetapi tetap berkelahi dan berpecah dengan perbezaan pendapat. Beliau dengan sedihnya menuntut bilakah masanya mereka ini akan bersatu dan menegakkan perpaduan dalam kalangan mereka. Penyair menyarankan bahawa, Masyarakat Tamil sepatutnya menghindarkan sikap mementingkan diri dan tidak memberikan kepentingan kepada perkara-perkara yang remeh-temeh yang boleh menghancurkan semangat silaturrahim. Penyair menyeru persatuan-persatuan yang dibentuk boleh menjadi medan perpaduan untuk membawa keutuhan semangat perpaduan sesama mereka.

Dalam penyampaian tema ini penyair menggunakan simile yang berikut dengan tepat:

Contoh : 1

Simile : **nrJf;fpaij cilj;njwpAk; nraNy Nghd;W**

Transliterasi (TR) : /setukiyatai udaiththerium seyale: po:NRu /

Terjemahan : Bagai memecahkan ukiran yang diukir indah

Maksud tersirat : tidak seharusnya mensia-siakan usaha membentuk persatuan-persatuan dengan menonjolkan sikap kepentingan diri sahaja.

(bait 2 –baris 3 : m.s.209)

Dalam puisi ini dengan nada melankolik penyair mengemukakan simile yang tepat dan jitu demi menyampaikan mesej temanya. Beliau menyamakan sikap

sesetengah orang yang mementingkan diri yang menghancurkan semangat setia kawan dalam persatuan dengan perlakuan memecahkan patung yang diukir indah. Pembentukan sebuah patung yang indah dan unik memerlukan usaha yang begitu gigih. Ia tidak dapat diukir dalam sehari dua malah memerlukan masa yang lama dan usaha yang berpanjangan. Usaha murni ini disamakan oleh penyair dengan penubuhan sebuah persatuan. Penubuhan sebuah persatuan bukanlah suatu usaha yang mudah kerana ia memerlukan masa dan tenaga yang banyak. Dengan penggunaan simile ini, penyair menyeru supaya Masyarakat Tamil harus mengambil iktibar untuk membentuk dan menjaga keharmonian dalam persatuan. Setiap ahli patut mengetepikan kepentingan diri demi membina keutuhan perpaduan masyarakat.

4.9.3 Malavan (1986-2000)

Ntiy ,y;Nyhd; Gyk;gy;

(Tangisan penganggur)

Dalam puisi ini (Lampiran 35), penyair menyampaikan segala penderitaan dan kesengsaraan Masyarakat Tamil kerana masalah pengangguran yang mereka dihadapi. Beliau menyampaikan tema ini dengan cara seorang penganggur meluahkan penderitaannya kepada Tuhan dengan harapan dapat restu pedomanNya. Dalam puisi ini penyair mengutarakan bahawa Masyarakat Tamil menghadapi tekanan hidup yang tinggi kerana tidak dapat memperolehi pekerjaan. Penyair menambah, pada ketika ini Masyarakat Tamil menghadapi jalan buntu dan tidak tahu arah untuk memajukan diri. Walaupun cuba melakukan pelbagai usaha baru ia masih lagi tidak membawa perubahan hidup.

Dalam puisi ini, penyair menggunakan simile yang tepat untuk menggambarkan kesengsaraan hidup Masyarakat Tamil seperti berikut :

Contoh : 1

Simile : **tpy;iyg; Nghy; tise;jhYk; ciog;gjw;F
Ntiy nahd;Wkpy;iy**

Transliterasi (TR) : /villai po:l vaLanhta:lum ulzaippataRku
ve:lai oNdrummilai /

Terjemahan : walaupun membengkok bagi busur untuk
mendapatkan suatu pekerjaan tiada juga jadinya.

Maksud tersirat : Menghadapi banyak rintangan dan halangan untuk
mendapatkan satu pekerjaan.

(bait 2 –baris 3 : m.s.210)

Dalam baris di atas, penyair menggunakan busur yang dibengkokkan untuk mentakrifkan kesusahan mendapatkan pekerjaan. Dalam baris ini penyair tidak menjelaskan tentang usaha dan tenaga untuk membengkokkan busur TETAPI busur itu sendiri membengkokkan dirinya. Ini bermaksud walaupun masyarakat bersedia untuk membanting tulang, tidak ada peluang pekerjaan bagi mereka. Penyair menggunakan busur sebagai simile di sini kerana dalam epik Ramayanam, Sri Rama hanya dapat mengkhawini Seetadevi dengan membengkokkan busur yang tidak mudah dilakukan oleh orang lain. Secara simboliknya membengkokkan busur merupakan tugas yang agak payah dalam tradisi Masyarakat Tamil. Dengan demikian penyair menggunakan simile ini untuk menerangkan penderitaan yang dihadapi Masyarakat Tamil kerana ketiadaan pekerjaan.

4.9.4 I.Ialvalagu (1986-2000)

\$l;Lwtpd; rhjid

(Kejayaan koperasi)

Dalam puisi ini (Lampiran 36), penyair mempertengahan kejayaan ekonomi Masyarakat Tamil melalui pembentukan koperasi dalam kalangan mereka. Beliau menggariskan bahawa anjakan paradigma dalam fikiran yang dicetuskan oleh Tun.V.T.Sambanthan dengan menubuhkan koperasi telah mengubah nasib ekonomi Masyarakat Tamil. Mengikut penyair, penubuhan koperasi ini telah mengatasi masalah keperitan hidup yang dialami Masyarakat Tamil selama ini. Masalah Masyarakat Tamil di ladang (estet) yang menghadapi ketidaktentuan masa depan dapat terjawab dengan penubuhan koperasi ini. Mengikut penyair, dengan penubuhan koperasi ini kesedaran mengenai menguasai ekonomi dalam kalangan Masyarakat Tamil juga dapat disemai.

Penyair menyimpulkan bahawa sebelum pembentukan koperasi ini, hidup Masyarakat Tamil seolah-olah merana tanpa halatuju. Keadaan ini dapat dijelaskan melalui simile di bawah:

Contoh : 1

Simile : **gl;lspj;Jg; gl;lopAk; G+r;rp NghYk;**

Transliterasi (TR) : /pattaLittu pattaziyum pu:cci po:lum /

Terjemahan : Bagai ulat sutera yang mati setelah memberikan suteranya.

Maksud tersirat : Masyarakat Tamil tidak dapat merasakan faedah daripada hasil usaha yang mereka curahkan.

(bait 3 –baris 5 : m.s.211)

Dalam bait ini penyair menyamakan Masyarakat Tamil yang tidak dapat merasakan faedah ekonomi hasil daripada usahanya dengan ulat sutera. Penyair mengumpamakan begitu kerana selama ini Masyarakat Tamil di ladang-ladang getah hanya memberikan faedah kepada pemilik ladang. Masyarakat yang menitiskan titik peluh, tidak dapat merasakan kemewahan hidup. Hidup mereka merana dan penuh dengan penderitaan. Ia seolah-olah ulat sutera yang mati setelah menghasilkan sutera yang bermutu. Dengan penggunaan simile ini, penyair dapat membayangkan keadaan sebenar Masyarakat Tamil sebelum mendapatkan kesedaran sosio-ekonomi dengan penubuhan koperasi.

Kesimpulan

Unsur simile dapat membandingkan antara dua perkara iaitu menyatakan sesuatu maksud dengan membandingkan sesuatu perkara yang seumpama denganya. Dalam puisi-puisi yang dikaji, penyair-penyair menggunakan simile yang sesuai untuk membincangkan tema puisinya. Penyair dapat menggunakan simile yang mempunyai ciri-ciri perbandingan fizikal dengan mesej yang berbentuk abstrak. Keadaan ini jelas terbukti dalam puisi tema alam semesta. Dalam tema ini, simile yang digunakan penyair dapat menyampaikan mesej keindahan pantai, menegakkan keadilan dan sikap merendahkan diri.

Dalam tema kebudayaan, penyair- penyair dapat mengemukakan simile yang dapat menerangkan keadaan nyata yang dapat memberi penghayatan tema yang tepat. Dalam tema sosio-ekonomi pula simile yang digunakan oleh penyair berperanan sebagai unsur

yang menggambarkan sifat, kerja dan fungsi. Melalui simile- simile ini, penyair dapat menjelaskan keadaan sosio-ekonomi masyarakat dengan jelas dan jitu.

4.10 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa, penggunaan unsur diksi, metafora dan simile dalam tema-tema oleh penyair melakarkan unsur keputisan serta keindahan bahasa dalam puisi-puisi yang dihasilkan penyair. Di samping itu, unsur-unsur keindahan bahasa yang diutarakan penyair berjaya menyampaikan mesej tema iaitu alam semesta, kebudayaan dan sosio-ekonomi dengan jelas dan mudah. Dalam penyampaian maklumat dan mesej, unsur-unsur keindahan bahasa ini juga dapat menimbulkan perasaan serta merangsangkan daya keputisan dengan sempurna. Dengan penggunaan unsur-unsur diksi, metafora dan simile dalam puisi, penyair dapat menyalurkan idea dan perasaan secara abstrak disaluti nilai-nilai keindahan bahasa kepada pembaca dengan mudah.

BAB 5

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN